

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

KENYATAAN MEDIA

**KESEJAHTERAAN MANGSA DIBERI PERHATIAN,
JPN KEDAH AMBIL TINDAKAN TEGAS BUANG SEKOLAH
TERHADAP PESALAH**

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah mengambil perhatian serius kes rogol dan penyebaran video kelakuan tidak senonoh melibatkan murid di sebuah sekolah di negeri Kedah seperti yang dilaporkan media pada hari ini.

Tindakan segera telah diambil untuk memberi bantuan kepada mangsa. Tumpuan utama pada ketika ini adalah untuk memastikan kesejahteraan mangsa diberi perhatian.

Kes ini kini sedang berada dalam siasatan pihak polis dan semua suspek telah ditahan reman. JPN Kedah memberi kerjasama penuh terhadap siasatan yang sedang berjalan.

JPN Kedah juga telah memulakan proses siasatan dalaman dan tindakan tegas buang sekolah akan diambil terhadap pesalah.

Kementerian Pendidikan (KPM) tidak berkompromi terhadap sebarang salah laku seksual di institusi pendidikan dan sedang berusaha untuk menambah baik setiap aspek bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga pendidikan.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
16 OKTOBER 2025**